

Ajal lelaki tersepit rempuh plaza tol

Kota Tinggi: Seorang pemuda maut tersepit selepas kereta dipandunya terbabas dan merempuh batu penghadang di Plaza Tol Penawar dekat Lebuhraya Senai-Desaru di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 9.30 pagi, Kan Yew Chun, 26, tersepit di tempat duduknya dan maut di lokasi kejadian.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Ahmon Bajah berkata, siasatan mendapati kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta Perodua Bezza dipandu mangsa dari arah Bandar Penawar menghala Senai hilang kawalan sebaik tiba di lokasi.

“Akibatnya kereta itu terbabas lalu merempuh batu penghadang pondok tol di plaza berkenaan.

“Pemandu kereta disah-

kan maut di tempat kejadian akibat parah di kepala dan badan,” katanya.

Menurutnya, mayat mangsa berasal dari Taman Daya, Johor Bahru dihantar ke Hospital Kota Tinggi (HKT) di sini, untuk bedah siasat.

Sementara itu, seorang pegawai dan tujuh anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Penawar dikejarkan ke lokasi sebaik menerima panggilan kecemasan jam 9.38 pagi.

Jurucakap bomba berkata, mayat mangsa dikeluarkan orang awam yang cuba memberikan bantuan kecemasan.

“Pasukan perubatan mengesahkan mangsa tidak bernyawa dan operasi diamatkan jam 10.06 pagi,” katanya.



ANGGOTA bomba memeriksa mangsa yang tersepit akibat merempuh penghadang di Plaza Tol Penawar, semalam.